

RM15.5 bilion hasil negara dicuri dikembalikan dalam dua tahun

Anwar buktikan kerajaan tegas pastikan tiada pihak terlepas undang-undang

Seri Iskandar: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen kerajaan untuk terus membersihkan negara daripada rasuah, penyelewengan dan kegiatan kartel, susulan kejayaan penguatkuasaan tegas yang berjaya mengembalikan hasil negara mencecah RM15.5 bilion dalam tempoh dua tahun.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pencapaian itu membuktikan ketegasan kerajaan dalam memastikan tiada pihak termasuk individu berpangkat tinggi terlepas daripada tindakan undang-undang sekiranya terbabit dalam kegiatan yang merugikan negara.

"Kita berjaya merampas wang yang dicuri dan diseludup melalui kegiatan jenayah berjumlah RM15.5 bilion, ini baru dua tahun. Itu pun kerana saya tegas dan menegaskan kepada semua agensi penguat kuasa bahawa tiada kompromi terhadap rasuah, penyeludupan, sindiket dan kartel. Hapuskan mereka kerana mereka mencuri daripada rakyat," katanya.

"Dalam beberapa tahun yang saya ada ini, saya mahu, Insya-Alah, membersihkan kekusutan yang berlaku. Apa pun yang

orang kata tidak menggugat saya, saya anggap itu adalah tanggungjawab kita," katanya semasa program Temu Anwar Bersama Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Canselor universiti itu di Seri Iskandar, di sini, semalam.

Anwar turut menyampaikan syarahan awam bertajuk 'Universiti Sebagai Aset Strategik: Merencana Masa Depan Malaysia melalui Bakat, Teknologi dan Transformasi' pada majlis itu, yang turut dihadiri Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Tak kompromi dengan kartel

Anwar berkata, kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak, termasuk sindiket dan kartel yang menyelewengkan hasil negara, sambil menegaskan bahawa prinsip keadilan dan integriti mesti ditegakkan tanpa mengira kedudukan atau gelaran individu terbabit.

"Kadangkala mereka bergelar Datuk, Datuk Seri, Tan Sri atau Tun, saya tidak peduli. Kamu boleh ada gelaran, tetapi jika mencuri, kita akan tangkap, dibicarakan di mahkamah dan jika didapati bersalah, kamu akan ke penjara.

"Itulah prinsipnya dan golongan muda mesti memahami serta menyokong perjuangan ini. Bolehkah saya percayakan kamu untuk mendukungnya?" katanya disambut tepukan gemuruh hadirin termasuk pelajar.



Anwar diiringi Zambry dan Shamsul Azri disambut pada Program Temu Anwar Bersama Pelajar UTP di Seri Iskandar, semalam.

(Foto BERNAMA)

Perdana Menteri berkata, usaha memerangi rasuah dan memperkukuh tadbir urus berintegriti adalah sebahagian daripada misi besar kerajaan bagi menjamin masa depan negara serta generasi muda, memandangkan Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus maju.

Perdana Menteri turut mengesakan pelajar dan belia agar mendukung perjuangan menegakkan keadilan serta menolak sebarang bentuk penindasan kaum, selain membina jati diri berasaskan nilai kemanusiaan, etika tinggi, il-

mu pengetahuan dan kemahiran baharu.

Anwar berkata, pembangunan ilmu dan teknologi perlu digerakkan seiring dengan pembentukan sahsiah, akhlak dan nilai kemanusiaan, selaras dengan konsep Malaysia MADANI yang menekankan prinsip keadilan, nilai murni serta kesejahteraan sejagat.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa meninjau Jabatan Kejuruteraan Bersepadu UTP yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Kejurute-

raan Bersepadu dengan Kepujian.

Kelmarin, ketika membentangkan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat, Anwar berkata, keseluruhan penyasaran subsidi yang dilaksanakan kerajaan menjimatkan dana negara sekitar RM15.5 bilion setahun.

Beliau berkata, penjimatan itu membolehkan lebih banyak dana disalurkan bagi kebajikan rakyat, perbelanjaan kos sara hidup serta pelaburan dalam prasarana berkualiti untuk kesejahteraan masyarakat. BERNAMA